

Kepada
Semua ibu bapa/ penjaga Pelajar Tingkatan 2, 3, 4 & 5 / 2019
MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan

Tuan/Puan,

PESANAN DAN MAKLUMAN KEPADA SEMUA IBUBAPA DAN PENJAGA PELAJAR

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

Pihak kami ingin memaklumkan dan memohon kerjasama daripada semua ibu bapa dan penjaga pelajar untuk memberi perhatian dan tindakan bagi perkara-perkara yang berkaitan seperti butiran di bawah :

Bil	Perkara	Pesanan dan Makluman	Tindakan
1.	1.1 Pulang ke Maktab 1.2 Pendaftaran pelajar Tingkatan 2,3, 4 dan 5 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikh : 01 Januari 2019 (Selasa) sebelum jam 6.00 petang. (Dewan Selera akan beroperasi bermula dengan makan malam) • Tarikh : 2 Januari 2019 (Rabu) • Tempat : Foyer PSP 	Pelajar
2.	Kaunter pembayaran dan penerimaan bayaran Yuran Caruman, MUFAKAT dan Koperasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kaunter akan dibuka bermula pada 2 Januari 2019 (bermula pukul 10.10 pagi hingga 1.00 petang) 	Pelajar
3.	Pembayaran Yuran Caruman, Koperasi dan MUFAKAT yang tertunggak	<ul style="list-style-type: none"> • Mohon kerjasama ibubapa/penjaga untuk menjelaskan semua bayaran yuran tertunggak seperti yang dilampirkan. Pihak ibubapa/penjaga dibenarkan membuat pembayaran mengikut kemampuan secara berperingkat-peringkat supaya tidak membebankan jika dibayar secara serentak. (sila abaikan jika tiada bayaran tunggakan) 	Ibubapa/penjaga
4.	Program Reorientasi	<ul style="list-style-type: none"> • Akan diadakan pada 2 hingga 4 Januari 2019 untuk menyelaraskan aktiviti akademik dan kokurikulum sepanjang tahun 2019 	
5.	Kecemerlangan Akademik 5.1 Tugas yang diberikan oleh guru subjek 5.2 Persediaan tahun 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan daripada ibubapa/penjaga sangat diharapkan supaya tugas dapat disempurnakan mengikut masa yang ditetapkan. • Pelajar diwajibkan menyiapkan nota subjek-subjek akademik tahun 2019 sebagai persediaan menghadapi peperiksaan utama (PT3 dan SPM) 2019 • Sila pastikan semua peralatan untuk sesi 	Pelajar Ibubapa/penjaga Pelajar Pelajar

	5.3 Bayaran Program Kecemerlangan Akademik (MUAFKAT)	<p>pembelajaran dilengkapkan sebelum pulang semula ke maktab</p> <ul style="list-style-type: none"> • Para pelajar perlu meneruskan program tasmik di rumah dan sentiasa berhubung dengan guru tasmik masing-masing untuk melaporkan perkembangan tasmiknya. • Akan diuruskan oleh pihak MUAFKAT maktab 	Ibubapa/penjaga
6.	Keperluan perbelanjaan asrama dan harian	<ul style="list-style-type: none"> • Mohon pastikan keperluan perbelanjaan mencukupi dan mengikut peraturan asrama dan akademik • Pastikan pelajar diperingatkan agar sentiasa menjaga peralatan sendiri. • Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pihak unit pengurusan asrama . • Pelajar dibenarkan menyimpan RM 20 untuk belanja harian sekira lebih jumlahnya, minta diserahkan kepada guru homeroom untuk disimpan. 	Ibubapa/penjaga
7.	Pelajar tajaan Budi MARA dan Bantuan Kewangan yang lain	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa menasihati dan mengingatkan anak-anak supaya menggunakan peluang dan bantuan yang diberikan oleh MARA untuk kecemerlangan diri dari segi akademik, sahsiah, rohani, emosi dan kokurikulum.. • Sekiranya mereka terlibat dengan kes disiplin dan prestasi kurang cemerlang, kemungkinan bantuan yang diberikan akan DICADANGKAN DITARIK SEMULA. 	Ibubapa/penjaga Penerima bantuan Budi MARA dan bantuan kewangan yang lain
8.	Keselamatan Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Mohon pastikan dan menasihati anak-anak supaya sentiasa berhati-hati semasa musim cuti sekolah ini. Elakkan mereka terlibat dengan aktiviti pergaulan bebas dan gejala negatif yang lain. Justeru, ibubapa/penjaga harus memantau pergerakan anak-anak apabila mereka berada di luar rumah dan sentiasa berhubung untuk mengetahui keadaan mereka. 	Ibubapa/penjaga
9.	Pemantauan Disiplin	<ul style="list-style-type: none"> • Mohon pastikan tuan/puan menasihati dan mengingatkan anak-anak supaya sentiasa mematuhi disiplin maktab. • Peringatkan mereka agar menjauhi salah laku negatif seperti yang disenaraikan dalam buku peraturan maktab. Pihak maktab serta unit pengurusan asrama /warden sentiasa memastikan agar semua pelajar 	Ibubapa/penjaga Pelajar

		menunjukkan sahsiah yang terpuji sepanjang mereka berada di maktab. Pelajar yang melanggar peraturan dan disiplin akan dikenakan tindakan.	
10	Menjaga nama baik keluarga dan maktab	<ul style="list-style-type: none"> • Sekarang ini pelbagai maklumat dikongsi melalui saluran media sosial seperti facebook, WhatsApp, telegram, instagram dan lain-lain. Pelajar perlu diperingatkan agar sentiasa menjaga nama baik diri, keluarga dan MRSM sepanjang masa dengan mengelak diri daripada membuat komen-komen yang boleh menjatuhkan imej diri, keluarga dan maktab. • Mereka perlu juga diingatkan agar sentiasa patuh pada ajaran agama supaya segala amalan akan diredai dan diberkati oleh Tuhan. 	Ibubapa / Penjaga
11.	Waktu lawatan ibu bapa/penjaga/pelawat dan outing bersama pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Waktu tamat lawatan dan <i>outing</i> bersama pelajar pada hari yang ditetapkan adalah pada jam 6.00 petang. Ibu/bapa /penjaga diminta meninggalkan maktab pada atau sebelum waktu tersebut. Setelah tamat waktu lawatan. Ibumama/penjaga diminta terus keluar meninggalkan kawasan maktab. Tiada lagi aktiviti yang boleh dilakukan seperti solat di surau. Sila solat sebelum jam 6.00 petang iaitu sebelum tamat waktu lawatan. • Waktu pelajar pulang semula ke maktab selepas Pulang Bermalam Wajib / Pilihan dan outing adalah sebelum jam 6.00 petang. Sekiranya pelajar tiba ke Pondok Pengawal selepas jam 6.00 petang, pengawal berhak menahan kereta daripada memasuki maktab dan pelajar diminta berjalan kaki menuju ke asrama masing-masing. Nama pelajar akan direkodkan dalam Kes Salahlaku Disiplin Maktab. Ibumama diminta MEMATUHI peraturan ini dan jangan bertengkar dengan pengawal keselamatan jika kenderaan tidak dibenarkan memasuki maktab. • Waktu lawatan ibumama / Penjaga adalah seperti berikut : Sabtu : 12.30 tgh – 6.00 petang Ahad & Cuti Umum : 10.30 pagi – 6.00 petang. Ibumama hanya dibenarkan memasuki maktab pada waktu lawatan bermula. • Pegawai keselamatan yang meronda akan memaklumkan kepada tuan/puan jika masih berada di dalam maktab melebihi 	Ibumama / Penjaga Pelajar

		waktu yang dibenarkan ini untuk segera meninggalkan kawasan maktab. Sila beri kerjasama.	
12	Peraturan sesi persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak maktab memandang serius terhadap beberapa isu ibubapa/penjaga pelajar yang memohon pelajar untuk bercuti semasa sesi persekolahan atas alasan menunaikan umrah, bercuti bersama keluarga di luar negara, mengikut hari keluarga anjuran ibubapa, mengiringi abang/kakak ke majlis konvoquesyen dan lain-lain. • Peraturan telah menetapkan bahawa pelajar tidak boleh sama sekali memohon atau mengambil cuti tambahan atas alasan-alasan tersebut dan keenggaran mematuhi peraturan akan menyebabkan pelajar boleh didakwa oleh Jawatankuasa Disiplin Maktab. 	Ibubapa/penjaga Pelajar
13	Tempahan t-shirt	<ul style="list-style-type: none"> • Ibubapa/penjaga dimohon untuk memperingatkan anak-anak agar tidak melakukan kutipan wang bagi apa sahaja pembelian / tempahan/ menjadi ejen seperti t-shirt batch TANPA kebenaran pihak pengetua. • Tindakan tatatertib akan diambil kepada pelajar yang melakukannya. 	Pelajar
14.	Program Ijtihadik	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan program berstatus pilihan / kepada yang berminat untuk pelajar Tingkatan 2 & 3 sahaja. • Meliputi 3 jenis sukan Sunnah iaitu aktiviti berkuda, aktiviti berenang dan aktiviti memanah. • Bilangan peserta setiap aktiviti adalah terhad. • Sebarang pertanyaan, boleh dirujuk kepada En Mohd Afif bin Husain, selaku Penyelaras Program Ijtihadik di talian 017-2931006 • Maklumat terperinci , sila rujuk lampiran yang disertakan. 	Ibubapa / Penjaga

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

MAZKAN BIN MAAMOR

Pengetua

Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh

N.Sembilan